
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**YSW 524 – Etika Kewartawanan Sains Dan Undang-Undang
Media**

Masa : 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Mengikut Andrew Belsey (1998:3), "Kewartawanan ialah satu industri, satu pemain utama dalam ekonomi pasaran yang memburu keuntungan, dan wartawan hanya pekerja dalam industri ini, digerakkan keperluan mencari nafkah hidup." Sejauh manakah etika kewartawanan dapat menjaga dan mempertingkatkan mutu dan kredibiliti profesion tersebut dalam konteks masyarakat sedemikian rupa? Beri contoh dalam jawapan.

2. Permit cetak dan penerbitan diberikan sebagai satu keistimewaan (*privilege*) dan bukannya sebagai hak, kata pemerintah Malaysia dalam responsnya terhadap cadangan untuk memajukan kebebasan media yang dibuat oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (*malaysiakini*, Jun 2, 2004). Nilai pendirian pemerintah Malaysia ini dengan mengaitkan persoalan kebebasan dan tanggungjawab sosial media.

3. Keadaan jerebu yang amat buruk pada tahun ini (2005) menyebabkan pemerintah Malaysia menarik balik pengharaman selama lapan tahun yang dikenakan terhadap pengumuman Indeks Pencemaran Udara (API, Air Pollutant Index). Penarikan ini dibuat pada 10 Ogos 2005 (*malaysiakini*, Ogos 10, 2005). Dengan mengambil kira undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dan persoalan hak rakyat mendapatkan maklumat, nilai sejauh mana tindakan tersebut menunjukkan pemerintah bersikap bertanggungjawab terhadap keselamatan rakyat dan Negara.

4. Kewartawanan yang bertanggungjawab berpaksikan kepada fahaman bahawa pengumpulan maklumat pada kadar yang bebas penting bagi keperluan dan kepentingan orang ramai. Bincang dakwaan ini dengan mengambil kira konsep *privacy*.